

KUALITI

JULAI - DISEMBER 2025

AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015

Skop Audit: Pengurusan Korporat Universiti Awam

MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI 2025

Ledakan Kreativiti

1ST VIRTUAL INTERNATIONAL CONFERENCE ON QUALITY AND INNOVATION IN HIGHER EDUCATION (ViQHE)

*Enhancing Quality and Innovation for a
Sustainable Higher Education Ecosystem*



eISSN 2976-2596



9772976259003

INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

Taklimat Persediaan

Proses Penilaian bagi Semakan Kurikulum



Tarikh:
20 November 2025 (Khamis)



Masa:
10:00 pagi



Platform:
Microsoft Teams

Anjuran:
Unit Jaminan Kualiti Akademik (AJA),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)



Penceramah:
Prof. Madya Ir. Dr. Sheila Belayutham
(Ketua Akreditasi Program Sains dan Teknologi)



Penceramah:
Ts. Linda Abd Hamid
(Ketua Akreditasi Program Sains Sosial dan Kemanusiaan)

TAKLIMAT

PERSEDIAAN PROSES PENILAIAN BAGI SEMAKAN KURIKULUM

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Unit Jaminan Kualiti Akademik telah menganjurkan Taklimat Proses Penilaian bagi Semakan Kurikulum pada 20 November 2025, secara maya melalui platform *Microsoft Teams*. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Profesor Madya Ir. Dr. Sheila Belayutham, Ketua Akreditasi Program Sains dan Teknologi dan Ts. Linda Abd. Hamid, Ketua Akreditasi Program Sains Sosial dan Kemanusiaan. Taklimat ini telah dihadiri seramai 170 peserta dari seluruh fakulti dan kampus cawangan UiTM.

Objektif utama taklimat ini diadakan adalah untuk memberikan pencerahan mengenai proses penilaian Semakan Kurikulum yang perlu dilaksanakan oleh setiap PTJ yang menawarkan program akademik. Proses ini adalah selaras dengan ketetapan Pekeliling Akademik Bilangan 2 Tahun 2025 yang telah dikeluarkan oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Kurikulum (BHEK) serta Surat Makluman MQA 07/2025 berkaitan Penetapan Baharu Dasar Perubahan Kurikulum.



Ketua Akreditasi Program turut menerangkan kriteria pelantikan Ahli Panel Penilai (APP) bagi memastikan penilaian semakan kurikulum dijalankan dengan berkualiti. Antara syarat-syarat APP adalah:

1. Mempunyai kelayakan (Ijazah Pertama dalam bidang) dan berpengalaman dalam bidang program yang dinilai;
2. Disarankan dalam kalangan APP MQA atau mereka yang mempunyai pengetahuan tentang jaminan kualiti program akademik;
3. Mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya satu tahap lebih tinggi daripada program yang dinilai iaitu bagi program peringkat Sijil hingga Ijazah Sarjana, kecuali bagi bidang-bidang kritikal. Bagi program peringkat Doktor Falsafah, APP perlu mempunyai kelayakan Doktor Falsafah;
4. Minimum satu (1) orang APP dilantik, terdiri daripada penilai luar IPT selain UiTM, atau calon APP daripada InQKA (jika perlu);
5. Kadar bayaran honorarium APP adalah RM250.00 bagi setiap program.
6. Proses awal semakan kurikulum adalah oleh Penyelaras Penilaian turut diperincika, meliputi:
7. Dokumen rasmi untuk pelantikan APP – Templat Surat
8. Garis Panduan untuk tugas dan kewajipan APP – Peranan dan Tanggungjawab
9. Pengesahan penerimaan peranan oleh APP – Borang Penerimaan
10. Perjanjian kerahsiaan untuk maklumat sulit – Borang NDA
11. Pembayaran untuk perkhidmatan APP – Borang Honorarium
12. Sesi maklumat mengenai proses penilaian – Taklimat Penilaian
13. Rubrik penilaian dan laporan akhir – Templat Penilaian

APP akan melaksanakan penilaian berdasarkan dokumen, rubrik serta garis panduan yang telah ditetapkan. Hasil penilaian kemudiannya dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) untuk pengesahan.

Di akhir taklimat, sesi soal jawab diadakan bagi memberi ruang kepada peserta mendapatkan penjelasan lanjut. Segala pertanyaan telah dijawab dengan jelas dan menyeluruh. Maklum balas daripada peserta juga amat positif, dan ramai mencadangkan agar sesi taklimat seperti ini dilaksanakan secara berkala bagi memastikan penyebaran maklumat berkaitan Jaminan Kualiti Akademik sentiasa terkini dan konsisten.

Kesimpulannya, taklimat ini berjaya memberikan pemahaman yang lebih jelas kepada warga UiTM mengenai proses lengkap penilaian Semakan Kurikulum, termasuk syarat pelantikan APP dan aliran kerja penilaian. Penglibatan peserta yang tinggi serta maklum balas positif menunjukkan bahawa inisiatif ini penting dalam memperkukuh kesedaran dan pematuhan terhadap amalan jaminan kualiti akademik. INQKA komited untuk terus menyediakan platform perkongsian ilmu seperti ini bagi meningkatkan profesionalisme dan kualiti program akademik UiTM.



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

2026 KUALITI

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

e-ISSN: 2976-2596



UiTM *di hati*  لومها تقوى موليا